

Kata Kerja

Info Kata Kerja

1) **KATA KERJA TRANSITIF**

- Menerangkan perbuatan yang dibuat oleh pelaku terhadap orang atau benda lain.
- Mesti diikuti oleh objek atau penyambut untuk melengkapkan maksudnya.
- Terbahagi kepada dua bentuk:

a) Bentuk aktif – menerima awalan me*N*- dengan atau tanpa akhiran *-kan* atau *-i*

Contoh:- menulis memasak menyanyi mengukus
menconteng menaiki membesarkan

b) Bentuk pasif – hasil daripada proses perubahan ayat aktif kepada ayat pasif

Contoh:- ditulis dimasak dinyanyi dikukus
diconteng dinaiki dibesarkan

2) **KATA KERJA TAK TRANSITIF**

- Menerangkan perbuatan yang dilakukan oleh pelaku terhadap dirinya sendiri.
- Tidak memerlukan objek atau penyambut
- Terbahagi kepada dua:-

a) Tanpa pelengkap – dapat berdiri sendiri tanpa objek atau penyambut:-

Contoh:-

Laili **bermain.**

Padi **menguning.**

Budak itu **tertawa.**

Pelajar itu **pulang.**



- b) Berpelengkap – mesti diikuti oleh pelengkap untuk menyempurnakan maksud ayat.

Contoh:-

Laili **keluar** dari kelas.

Sofia **menjadi** guru.

Penyakitnya **beransur** pulih.

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 Amir _____kesakitan apabila doktor mencuci lukanya.
- A merintih
 - B mengeluh
 - C mengenang
 - D mengerang
- 2 Badan Nabilah _____ kerana ketakutan.
- A menggeliat
 - B menggeletar
 - C menggelupur
 - D menggelepar
- 3 Pengemis itu _____ oleh pekerja restoran tersebut.
- A dihalang
 - B dibuang
 - C dihalau
 - D ditindas
- 4 Mak Cik Hasnah sedang _____ bawang di dapur.
- A menumbuk
 - B mengetuk
 - C memukul
 - D memalu



- 5 Ibu _____ kelapa untuk mendapatkan santannya.
- A memicit
 - B melenyek
 - C memerah
 - D menindih
- 6 Anak ayam lari bertempiaran apabila seekor helang cuba _____.
- A merenggut
 - B menyambar
 - C merampas
 - D mengambil
- 7 Persatuan Seni Lukis Sekolah Kebangsaan Seri Langkap akan _____ pameran lukisan.
- A melaksanakan
 - B menjalankan
 - C mengadakan
 - D melahirkan
- 8 Kampung Berlian dan Kampung Permata _____ oleh sebatang sungai.
- A terbelah
 - B terpisah
 - C terpecah
 - D terbahagi
- 9 Ular sawa itu _____ seekor kambing.
- A melulur
 - B meneguk
 - C mengunyah
 - D menghisap
- 10 Sebelum sesuatu aktiviti dijalankan kita perlulah _____nya terlebih dahulu.
- A merancang
 - B menimbang
 - C melaksana
 - D melihat



Soalan 11 berdasarkan gambar di bawah



- 11 Lilianbuku cerita yang dipinjamnya kepada Tan.
- A memberikan
 - B menyerahkan
 - C memulangkan
 - D menghulurkan
- 12 Peniaga itukeuntungan dengan mengenakan harga jualan yang tinggi kepada pelanggan-pelanggannya.
- A meraih
 - B mencapai
 - C mengumpul
 - D mengais
- 13 Mulut adiksemasa mendengar cerita yang disampaikan oleh nenek.
- A tertutup
 - B tersengih
 - C terlopong
 - D terkatup

Soalan 14 berdasarkan gambar di bawah.



- 14 Fauzankedatangan Encik Azam ke rumahnya dengan ramah.
- A menunggu
 - B menyambut
 - C mengajak
 - D menanti
- 15 Banduan itu terpaksadi penjara selama lima tahun akibat kesalahan mencuri.
- A menetap
 - B menginap
 - C meringkuk
 - D menumpang
- 16 Syarikat Tonggak Maju mampu.....projek kerajaan yang menelan belanja berjuta-juta ringgit.
- A menganjurkan
 - B melaksanakan
 - C meningkatkan
 - D mengadakan
- 17 Adikkerana memakai kasut tumit tinggi ibu.
- A terjatuh
 - B tertimpa
 - C terhantuk
 - D terhempas

- 18 Elinaperca-perca kain itu pada selimut yang koyak.
- A melekatkan
 - B menampalkan
 - C mencantumkan
 - D meletakkan
- 19 Sang Kancil yang cerdik itu berjayasungai yang dalam dengan tipu helahnya.
- A melepasi
 - B melangkahi
 - C mengharungi
 - D menyeberangi
- 20 Lidahnya melecur keranaair yang masih panas itu.
- A terhisap
 - B tertelan
 - C tersedut
 - D terhirup
- 21 Bekalan air di kawasan kami sering_____ .
- A terkandas
 - B terganggu
 - C terpotong
 - D terhalang

Soalan 22 berdasarkan gambar di bawah



- 22 Chong Ming _____ sebaik-baik sahaja dia terjaga daripada tidur.
- A mendengkur
 - B mendepang
 - C menggeliat
 - D menganga

- 23 Murid-murid Tahun Enam Mawar ketawa berdekah-dekah apabila mendengar celoteh guru kelas mereka yang _____ hati.
- A menggeletek
 - B menyentuh
 - C menggores
 - D mencuit

Soalan 24 berdasarkan Gambar 3 di bawah.




Gambar 3

- 24 Setelah menanak nasi, ibu _____ ikan senangin untuk dimasak kari.
- A menghiris
 - B menyang
 - C mencincang
 - D menyiat
- 25 Kenny jatuh terduduk apabila _____ kulit pisang.
- A terpijak
 - B terpegang
 - C tersentuh
 - D terlangkah
- 26 Anggota polis trafik akan _____ pemandu yang melanggar undang-undang jalan raya.
- A mendenda
 - B memarahi
 - C menyaman
 - D menasihati

- 27 Pak Long Ahmad tidak berselera _____ nasi walaupun sesuap kerana dia demam.
- A menjamah
 - B menyuap
 - C mencubit
 - D menelan
- 28 Penunggang motosikal itu telah _____ rantai leher wanita itu.
- A menyinggung
 - B menyambar
 - C merenggut
 - D merampas
- 29 Hasil eksperimen itu akan _____ dalam kumpulan masing-masing terlebih dahulu sebelum diserahkan kepada beliau.
- A diumumkan
 - B dinyatakan
 - C dibahaskan
 - D dibincangkan

Soalan 30 berdasarkan gambar 4 di bawah.



Gambar 4

- 30 Rosman _____ jalanya ke dalam anak sungai itu.
- A membalingkan
 - B melemparkan
 - C menebarkan
 - D mencampakkan

- 31 Puan Sarifah _____ air mawar di pusara suaminya yang terkorban akibat kemalangan jalan raya.
- A merenjis
 - B menyiram
 - C menyimbah
 - D menuangkan
- 32 Laksamana Hang Tuah _____ perut pahlawan Majapahit itu dengan sebilah keris.
- A menjolok
 - B mencocok
 - C mencucuk
 - D merodok
- 33 Alia duduk _____ dengan santunnya sambil melayan tetamunya.
- A bersila
 - B berlunjur
 - C bersimpuh
 - D bertinggung
- 34 Cucu Pak Leman _____ kaki datuk mereka yang lenguh-lenguh itu.
- A memicit-micit
 - B menekan-nekan
 - C menepuk-nepuk
 - D menggenggam-genggam
- 35 Ibu bapa perlu _____ anak-anak mereka supaya berjaya dalam hidup.
- A membimbing
 - B memandu
 - C mengajar
 - D mengawasi
- 36 Puan Leong _____ kejadian kecurian di rumahnya kepada kawan-kawannya.
- A menceritakan
 - B mengadu
 - C meracau
 - D meleter



- 37 Tukang kayu itu sedang _____mata gergaji dengan pengikir.
- A mengikis
 - B mengikir
 - C mengasah
 - D mengilat
- 38 Hati Puteri Nur Ashikin _____apabila mendengar kisah sedih yang menimpa pemuda malang itu.
- A terdiam
 - B tercalar
 - C tersayat
 - D tersentuh
- 39 Kita perlu berusaha gigih sejak dari awal tahun lagi untuk _____keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan UPSR.
- A memiliki
 - B mendapati
 - C mempunyai
 - D memperoleh
- 40 Pendekar Harimau Berantai _____sebilah keris pada pinggangnya.
- A melekat
 - B menyisip
 - C membubuh
 - D menyangkut

Soalan 41 berdasarkan gambar di bawah.



- 41 Sebagai pengurus syarikat, Puan Nelly sentiasa _____ pakaian yang kemas dan berjenama untuk _____ imejnya.
- A melaram ... mengekalkan
 - B menyarung ... melonjakkan
 - C memakai ... menghangatkan
 - D menampilkan ... menaikkan

Soalan 42 berdasarkan gambar di bawah.



- 42 Kak Wan mengeluarkan pai ayam yang telah _____ nya dari ketuhar.
- A dibakar
 - B disalai
 - C didiang
 - D dikukus


- 43 Normila menjerit ketakutan apabila terlihat seekor lipan sedang _____ di atas tilam.
- A merayap
 - B menjalar
 - C memanjat
 - D menyelinap
- 44 Jabatan Meteorologi _____ bahawa hujan lebat akan melanda kawasan pantai barat Semenanjung Malaysia.
- A memaklumkan
 - B memberitahu
 - C meramalkan
 - D melaporkan
- 45 Semua murid di dalam kelas Enam Bestari _____ untuk mendapat 5A dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah.
- A berebut
 - B bersaing
 - C berjuang
 - D berlawan
- 46 Syarikat Seri Maju berhasrat untuk meneruskan pembinaan projek perumahan yang _____ itu.
- A terhenti
 - B terbantut
 - C terkandas
 - D terbengkalai
- 47 Hafizi _____ badan adiknya sehingga dia ketawa terbahak-bahak.
- A menggeletek
 - B menggeletar
 - C menggelepar
 - D menggeliat

- 48 Adunan gula dan mentega itu _____ setelah dipukul dengan alat pemukul elektrik.
- A mengembang
 - B menguncup
 - C menebal
 - D menipis
- 49 Cikgu memarahinya kerana _____ dinding tandas itu.
- A menconteng
 - B menggelap
 - C menyapu
 - D mencalit
- 50 Kerajaan Terengganu menjadikan aktiviti _____ sotong sebagai salah satu aktiviti yang dapat menarik pelancong asing.
- A menjala
 - B memukat
 - C mencandat
 - D memancing
- 51 Pemain bola sepak pasukan Selangor _____ piala yang dimenangi oleh mereka sambil mengelilingi stadium.
- A menjunjung
 - B menjulang
 - C menatang
 - D memikul
- 52 Remaja yang _____ dalam gejala sosial itu akan diberi kaunseling
- A terjerumus
 - B tersungkur
 - C tertiarap
 - D terjatuh
- 53 Pasukan kriket sekolah mereka telah _____ oleh pasukan lawan.
- A dimusnahkan
 - B dimenangkan
 - C ditewaskan
 - D dihapuskan



- 54 Ahli pengakap berhati-hati _____ anak sungai kerana terdapat banyak batu kerikil yang tajam.
- A mengharungi
 - B menjalani
 - C meredah
 - D melalui

Soalan 55 berdasarkan gambar di bawah



- 55 Nabila _____ surat yang diterima daripada sahabat penanya yang menetap di Indonesia.
- A membalas
 - B mencoret
 - C mengirim
 - D menulis
- 56 Pelukis itu _____ warna di atas kanvas dengan berhati-hati agar lukisannya cantik.
- A mencalar
 - B mencatat
 - C melukis
 - D mencalit
- 57 Ibu _____ secubit garam ke dalam kari itu.
- A Memasukkan
 - B menggaulkan
 - C menaburkan
 - D membubuh

Soalan 58 berdasarkan gambar di bawah.



- 58 Para pendaki terpaksa.....hutan tebal itu sebelum malam menjelang tiba.
- A melalui
 - B meredah
 - C meranduk
 - D menempuh

Soalan 59 berdasarkan gambar di bawah.



- 59 Pekebun itu _____ bakul yang penuh dengan sayur-sayuran
- A menggalas
 - B menjinjing
 - C menjunjung
 - D mengangkat
- 60 Razali membantu orang buta itu melintas jalan dengan _____ tangannya.
- A menarik
 - B menuntun
 - C mengheret
 - D meruntun

- 61 Apabila memikirkan masalah kewangan yang dihadapi oleh keluarganya, akhirnya Aidil _____ keputusan untuk belajar di universiti tempatan sahaja.
- A mengatur
 - B menyimpul
 - C mengambil
 - D merancang
- 62 Pihak polis sedang _____ pergerakan kongsi gelap yang sering membuat kekacauan di dalam bandar itu.
- A mengintai
 - B memerhati
 - C mengamati
 - D mengintip
- 63 Peniaga itu _____ keuntungan yang berlipat ganda sebelum musim perayaan.
- A mengikis
 - B mengaut
 - C mengambil
 - D merenggut
- 64 Penyakit selesema burung itu _____ akan _____ dengan cepat.
- A dibimbangi...menjalar
 - B diyakini...menular
 - C digusari...menjangkit
 - D dikhuatiri...merebak
- 65 Jamil _____ adik yang sedang _____ buku sekolahnya.
- A memarahi...menconteng
 - B menengking...menulis
 - C memukul...melukis
 - D menasihati...menggunting



- 66 Halili _____ adiknya semasa hendak _____ jalan raya itu.
- A memapah...menyeberangi
 - B menuntun...merentasi
 - C memimpin...melintasi
 - D memegang...meredah
- 67 Nelayan itu _____ jalanya yang _____.
- A menjahit...berlubang
 - B menganyam...tertembuk
 - C menyirat...terkoyak
 - D menekat...tertiris
- 68 Mariam _____ anak pohon bunga mawar yang baru _____ nya itu.
- A merenjis...diubah
 - B menjirus...disemai
 - C menyiram...ditanam
 - D menyimbah...digubah
- 69 Nenek _____ dulang tembaga itu hingga berkilat semula.
- A menyapu
 - B mengelap
 - C menggilap
 - D mencuci
- 70 Jururawat itu begitu berhati-hati ketika membuka balutan yang _____ kaki Hazriq yang luka.
- A mengelilingi
 - B membaluti
 - C melingkari



Soalan 71 berdasarkan gambar di bawah.




- 71 Aqil _____ badannya menggunakan gayung sementara ibunya pula _____ kain yang telah dicuci.
- A menyimbah ... menyental
 - B menjirus ... memberus
 - C menyiram ... membilas
 - D mencedok...merendam
- 72 Penduduk Kampung Kuala Muda _____ air sungai untuk disalurkan ke dalam sawah.
- A menahan
 - B menyekat
 - C membenteng
 - D mengempang
- 73 Pengarah syarikat itu _____ saham Puncak Emas kerana beliau ingin mengembangkan perniagaannya.
- A menawar
 - B membida
 - C membeli
 - D menjual

Soalan 74 berdasarkan gambar di bawah.



- 74 _____ nota ketika _____ akan membantu murid mengingat fakta-fakta penting tentang sesuatu topik.
- A Melukis ... melakar
 - B Mencatat ... menelaah
 - C Mencoret ... mengarang
 - D Menconteng ... melorek
- 75 Encik Karim _____ kos untuk membaik pulih bangunan lama itu menelan belanja yang tinggi.
- A menentukan
 - B menjumlahkan
 - C mencongakkan
 - D menganggarkan
- 76 Kenaikan harga barangan keperluan menjelang musim perayaan begitu _____ sehingga sukar dikawal oleh kerajaan.
- A mengejut
 - B menonjol
 - C mendesak
 - D mendadak
- 77 Ammonia tidak berbahaya dalam bentuk cecair tetapi boleh _____ risiko kepada kesihatan manusia dalam bentuk gas.
- A mendatangkan
 - B menyebabkan
 - C menyebarkan
 - D menjejaskan

Soalan 78 berdasarkan gambar di bawah.



- 78 Asrul _____ tetikus untuk mencari laman web “Cikgu Net” ketika _____ internet di kafe siber petang semalam.
- A mengalihkan memasuki
 - B memusingkan membuka
 - C menggerakkan melayari
 - D menolak membaca
- 79 Encik Fahmi _____ gadis ayu yang berdiri di sebelahnya di dalam lif itu.
- A menjelir
 - B menjeling
 - C menjenguk
 - D menjengah
- 80 Sempena cuti perayaan Tahun Baru Cina pada tahun ini, semua syarikat akhbar tempatan akan _____ penerbitan surat khabar pada 19 Februari.
- A menangguhkan
 - B menghentikan
 - C menundakan
 - D menamatkan
- 81 Puan Sarina _____ doh karpap sebelum mencanainya.
- A merata
 - B melumur
 - C menguli
 - D menggaul

- 82 Farhan _____ kakaknya apabila disuruh mengemas bilik tidur yang berselerak itu.
- A membantah
 - B membentak
 - C merungut
 - D mengamuk
- 83 Budak itu _____ oleh ayahnya sebanyak dua kali kerana berbohong.
- A dihentam
 - B disebat
 - C digasak
 - D ditindas
- 84 Pergaduhan antara dua orang lelaki itu _____ akibat perasaan cemburu terhadap pasangan masing-masing
- A terjalin
 - B terlibat
 - C tercetus
 - D terbentuk
- 85 Mak Bedah _____ padi di atas jemuran dengan jari jemarinya apabila matahari mula meninggi.
- A mengais-ngais
 - B menguis-nguis
 - C menampi-nampi
 - D mengibas-ngibas
- 86 Nakhoda Tanggang mengarahkan anak-anak kapalnya agar _____ sauh untuk meneruskan pelayaran mereka.
- A membongkar
 - B menarik
 - C melabuh
 - D membuka



- 87 Pekerja-pekerja Majlis Bandaran Teluk Intan sedang _____ ranting pokok bunga di taman itu supaya sentiasa rimbun.
- A memangkas
 - B mengerat
 - C memotong
 - D menghiris
- 88 Ular berbisa yang _____ kaki landak itu sehingga pengsan telah dapat dibunuh oleh penduduk kampung.
- A meragut
 - B membelit
 - C menggigit
 - D memagut
- 89 Pak Ali _____ lembunya untuk ditambat di pangkal pokok itu.
- A menolak
 - B menuntun
 - C mengheret
 - D memegang
- 90 Beburung berterbangan di sawah pada musim padi _____.
- A menuai
 - B menguning
 - C menghijau
 - D membajak

Kata Kerja

1 D	31 B	61 C
2 B	32 D	62 D
3 C	33 C	63 B
4 A	34 A	64 D
5 C	35 A	65 A
6 B	36 A	66 C
7 C	37 B	67 C
8 B	38 D	68 C
9 A	39 D	69 C
10 A	40 B	70 B
11 C	41 D	71 C
12 A	42 A	72 D
13 C	43 A	73 C
14 B	44 C	74 B
15 C	45 B	75 D
16 B	46 D	76 D
17 D	47 A	77 A
18 B	48 A	78 C
19 D	49 A	79 B
20 D	50 C	80 A
21 B	51 B	81 C
22 C	52 A	82 B
23 D	53 C	83 B
24 B	54 A	84 C
25 A	55 A	85 B
26 C	56 D	86 A
27 A	57 A	87 A
28 C	58 B	88 D
29 D	59 A	89 C
30 C	60 B	90 B